

**PERATURAN PEMARKAHAN**  
**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5**  
**TAHUN 2022/2023**

---

**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS 2**  
**2 JAM 30 MINIT**

---

**JANGAN BUKA PERATURAN PEMARKAHANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**  
**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 :	8 markah
Soalan 2:	6 markah
Soalan 3:	11 markah
Soalan 4:	6 markah
Soalan 5:	4 markah

Perhatian bagi soalan 1

- 1 Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif yang betul.
- 2 Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
- 3 Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- 4 Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- 5 Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- 6 Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- 7 Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
- 8 Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- 9 Maksud yang tidak jelas, berikan 0 markah.
- 10 Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan Bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 - Morfologi**

(i) **bijak**

1. (sangat) pandai, cerdik, pintar
2. pandai bercakap, petah lidah
3. sesuai atau betul dan mendatangkan kebaikan
4. perihal bijak, kecerdikan, kepintaran

(ii) **muda**

1. belum tua (orang dll), masih remaja
2. belum masak atau tua (buah-buahan, daun-daunan, dll), baru menjadi
3. masih baru (diadakan, diusahakan, dll), belum lama (wujudnya sesuatu)
4. masih awal (hari, bulan, dll), belum menghujung (lewat)

5. tingkatan (kedudukan, pangkat, dll) yang kedua:( laksamana muda, leftenant muda, menteri muda, raja muda ( bakal raja)
6. yang terakhir atau baru (isteri):
7. kurang gelap atau tua (warna), agak pucat: merah muda, hijau muda, muda belia

(iii) **dahulu**

1. yang telah lepas (berlalu), yang telah lampau, yang lalu, beberapa hari, zaman atau jangka masa yang sudah lama berlalu
2. pada masa (waktu) yang telah lalu (lepas), sebelum ini, sebelumnya:
3. pertama sekali atau sebelum melakukan sesuatu, sementara menungguan sesuatu atau sesuatu ketika
4. lebih awal (drpd sesuatu), sebelum; kelmarin,
5. paling depan, di hadapan sekal
6. paling awal, pertama sekali (sampai / tiba)

(iv) **kemudian**

1. selepas orang atau seseorang lain, selepas sesuatu waktu (kejadian dll),
2. belakangan , belakang hari, (suatu) masa yang akan datang, kelak ( masa yang akan datang)
3. daripada itu selepas (sesudah) itu, pada suatu waktu yang lain (sesudah sesuatu kejadian dll)

(v) **hemat**

1. tidak boros atau membazir (dlm membelanjakan wang atau menggunakan sesuatu), cermat, jimat
2. dengan penuh perhatian (minat dll), dengan teliti, cermat, hati-hati, berhati-hati, berawas-awas, beringat-ingat, berjaga-jaga (memandu)
3. pemerhatian, pengamatan (usul itu pada hemat saya..)

(vi) **lemah**

1. tidak bertenaga (berkuasa, kuat), lesu,seperti orang kehabisan tenaga,
2. rendah (dari segi pencapaian), prestasi kerjanya (lemah)
3. tidak diyakini sebagai benar atau logik (hadis)
4. tidak tegas (dalam membuat keputusan)

**[Maksimum: 6 markah]**

## **Jawapan Soalan 2 – Sintaksis**

### **Ayat bersusunan songsang**

- |                                                                                                              |   |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| (i) Terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang mula beroperasi pada tahun 2013. | 2 |
| (ii) Kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang berasib baik, sekolah ini amat istimewa.     | 2 |
| Amat istimewa kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang berasib baik, sekolah ini.          | 2 |
| Amat istimewa sekolah ini kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang berasib baik.           | 2 |
| (iii) Mengikuti modul pembelajaran khas bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing mereka.                 | 2 |
| Bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing, mereka mengikuti modul pembelajaran khas.                      | 2 |
| Mengikuti modul pembelajaran khas mereka bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing.                       | 2 |

**[Maksimum: 6 markah]**

## **Soalan 3 – Penyuntingan**

### **Bahan 1**

- |                          |   |                            |
|--------------------------|---|----------------------------|
| (i) Pelbagai tugas-tugas | - | pelbagai tugas/tugas-tugas |
| (ii) negetif             | - | negatif                    |
| (iii) guru berikan       | - | diberikan oleh guru        |
| (iv) mengekal            | - | mengekalkan                |
| (v) apa                  | - | apa-apa                    |
| (vi) kontek              | - | konteks                    |

**[Maksimum : 5 markah]**

### **Bahan 2**

- |                   |   |              |
|-------------------|---|--------------|
| (i) disebutkan    | - | dibincangkan |
| (ii) mengalakan   | - | mengalakkan  |
| (iii) sekaligus   | - | sekali gus   |
| (iv) daripada     | - | dari         |
| (v) di tambah     | - | ditambah     |
| (vi) diambil kira | - | diambil kira |

**[ Maksimum: 6 markah]**

**Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4.**

<b>Deskripsi</b>	<b>Markah</b>
	<b>6</b>
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 - 6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <b>tidak</b> mengikut urutan	0

**Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard**

Apabila Kertala Sari pulang dari Daha dan memperoleh banyak harta yang terdiri daripada emas, perak, pakaian, duit berpuluhan-puluhan juta dan banyak orang dicurinya. Setelah Kertala Sari sampai ke rumah, dia bertanya kepada ibunya, “Wahai ibuku, ke mana bapaku pergi, aku tidak melihatnya?”

[ Maksimum: 6 markah]

**Soalan 5 - Peribahasa**

**Peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud**

**Nota:**

Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa yang disenaraikan.

Berikan 1 markah untuk setiap peribahasa lain yang sama maksud.

Periksa atau tanda **dua** peribahasa yang pertama sahaja.

	<b>Peribahasa dalam dialog</b>	<b>Peribahasa sama maksud</b>
<b>1</b>	Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung	- masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
<b>2</b>	Usaha tangga kejayaan	- di mana ada kemahanan di situ ada jalan - kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
<b>3</b>	Berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.	- belut pulang ke lumpur - haruan / ikan pulang ke lubuk

[Maksimum: 6 markah]

## **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

### **Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### **Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

#### **1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ayat gramatis	<b>2</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ayat <b>tidak</b> gramatis	1
- Jawapan <b>kurang</b> tepat /isi <b>tidak</b> cukup	
- Jawapan salah	<b>0</b>

#### **2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	<b>3</b>
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <b>kurang</b> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (tidak menyentuh semua bahan)	<b>1</b>
Jawapan salah	<b>0</b>

#### **3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan unsur KBAT dan Novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / relevan dengan tugas / ayat gramatis	<b>3</b>
Isi cukup / relevan dengan tugas / ayat <b>kurang</b> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup	<b>1</b>
Jawapan salah	<b>0</b>

**4. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan unsur KBAT dan Novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	<b>4</b>
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	<b>3</b>
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	<b>3</b>
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	<b>2</b>
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	<b>2</b>
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	<b>1</b>
- Jawapan salah	<b>0</b>

**Soalan 6** **Markah**

**(i) Maksud**

- Dengan bertahap / sedikit demi sedikit
- Secara bertahap / sedikit demi sedikit
- Dengan berperingkat

**(ii) Fungsi bahasa Melayu**

**Bahan 1**

- mampu menjadi bahasa perpaduan negara.
- untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat
- 

**Bahan 2**

- menggalakkan perkongsian idea sama ada secara bersemuka mahupun di ruang maya.

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

**(iii) Peranan ibu bapa**

- menjadi suri teladan kepada anak-anak
- membelikan buku bahasa Melayu
- menggalakkan anak-anak menyertai program bahasa Melayu / persatuan Bahasa Melayu.
- menonton filem berbahasa Melayu.
- menyediakan sudut bacaan di rumah

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup: 2 isi]**

**(iv) Tindakan-tindakan**

- menasihati sahabat
- menghadiahkan buku bahasa Melayu.

- mengajaknya menyertai program bahasa Melayu 1
- membimbing sahabat untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul 1

**[Maksimum : 4 markah]**  
**[Isi cukup: 3 isi]**

### **Soalan 7**

**(i) Maksud** rangkai kata *maruah gelanggang*

- kedaulatan / nama baik negara / tanah air / watan 2
- maruah negara / tanah air / watan 1
- kedaulatan / nama baik gelanggang 1

**(ii) Pesanan penulis**

**Bahan 1**

- kita pelihara gelanggang ini dengan kejap sepenuh hati 1
- kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat 1
- kita harus berani berjuang menangkis tohmahan 1
- jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri. 1
- kita setia kukuhkan ukhuwah 1
- elakkan pertelingkahan sesama sendiri. 1
- memacu kejayaan demi maruah harga jati diri. 1

**Bahan 2**

- tidak leka dan terpengaruh dengan perkara-perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak 1
- semangat dan kesetiaan tinggi 1
- berkorban dan berjuang demi keamanan dan kedamaian tanah air 1
- membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati 1

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 4 markah]**  
**[Isi cukup: 3 isi]**

**(iii) Kepentingan-kepentingan perpaduan kaum terhadap negara**

- mengukuhkan ekonomi negara / mencapai status negara maju 1
- mewujudkan masyarakat yang harmoni / bersatu padu 1
- menarik kedatangan pelancong asing 1
- mengekalkan kestabilan politik 1

- menjamin ketenteraman negara

1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

**(iv) Tindakan yang perlu dilakukan**

- mengedarkan Jalur Gemilang kepada masyarakat setempat. 1
- mendapatkan sumbangan Jalur Gemilang daripada pelbagai pihak 1
- menganjurkan pertandingan hiasan bertemakan kemerdekaan 1
- mengadakan aktiviti gotong-royong memasang bendera 1

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

**Soalan 8** **Markah**

**(i) Perkara-perkara yang tidak pernah terlintas di fikiran Raidah**

- menjadi besan ahli korporat yang sangat berpengaruh di Bandar Raya Kuching 1
- bermenantukan seorang peguam yang bijak bercakap 1
- bermenantukan seorang pengurus kewangan di syarikat abahnya 1
- melengkapkan kehidupan anak gadis kesayangan 1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

**Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**

**(ii) Jawapan Soalan Novel**

- Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul (peristiwa yang berkaitan dengan panduan dalam hidup)
- Beri 1 markah bagi setiap ulasan/ huraiyan yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- Markah isi maksimum 4 markah ( 2 markah bagi setiap isi / dan ulasan / huraiyan)
- Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
  - Baik - 2 markah
  - Lemah - 1 markah
- Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 6 markah]**

## Cadangan jawapan

### Novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

**1) Peristiwa Lili patuh dengan permintaan ibunya balik ke kampung datuk pada cuti sekolah. Walaupun Lili mempunyai rancangan lain dengan rakan-rakannya iaitu untuk meraikan majlis persaraan pengetuanya, namun dia akur dengan permintaan ibunya untuk bercuti di kampung datuknya di Dungun, Terengganu.**

Huraian: Kepatuhan seorang anak terhadap ibu dengan mengutamakan permintaan ibu dan mengabaikan perancangan sendiri.

**2) Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang diculik oleh Rafiq dan Haziq di sebuah pondok di dalam hutan. Danel sanggup berkorban untuk menyelamatkan nyawa rakannya yang diculik.**

Huraian: Semangat setiakawan yang tinggi dan berani menyelamatkan rakan.

**3) Peristiwa Danel bijak menyelesaikan masalah penduduk kampung. Danel telah mencadangkan supaya membuat pengumuman di surau untuk meminta pendapat penduduk kampung sama ada ingin meletakkan kubah di surau ataupun membina masjid baharu. Majoriti penduduk menginginkan pembinaan masjid baharu kerana surau sudah uzur. Danel dan Lili tidak jadi memasang poster kerana kurang berkesan.**

Huraian: Kerjasama antara penduduk kampung penting dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

**4) Peristiwa Datuk Lili mempertahankan tanah daripada dijual. Datuk merungut sambil memarahi abang kandung Danel, Sugi Oogway yang menghantar kawannya daripada sebuah syarikat untuk memujuk orang kampung supaya menjual tanah mereka untuk dijadikan deretan rumah sewa.**

Huraian: Mempertahankan hak atau tanah daripada jatuh kepada orang lain.

**5) Peristiwa orang kampung akhirnya bersetuju meletakkan kubah di masjid baharu. Orang kampung selama ini berpecah kepada dua golongan. Golongan tua mahu kubah diletakkan di surau. Golongan muda mahu meletakkan kubah di masjid baharu yang akan dibina.**

Huraian: Penduduk kampung bersepakat dan tidak lagi berpuak-puak.

**6) Peristiwa Lili menyedari kesilapan dan memohon maaf kepada neneknya kerana memberi pandangan tidak sesuai memasang kubah di surau yang usang.**

Huraian: Ketinggian budi pekerti seorang remaja terhadap orang yang lebih tua.

**7) Peristiwa Lili menyerahkan wang pemberian ibunya yang sepatutnya dibeli buah tangan untuk nenek dan datuknya tetapi nenek menolak dan meminta Lili menggunakan sebagai wang saku sekolah.**

Huraian: Sikap amanah seorang anak terhadap ibunya.

**8) Peristiwa Lili menolak air kotak pemberian Geetha dengan baik sambil menegaskan bahawa dia tidak minum minuman berkarbonat dan bergula serta makanan ringan yang diawet dengan pewarna atau bergaram tinggi.**

Huraian: Sikap mementingkan kesihatan dalam kalangan remaja.

**19) Peristiwa datuk, nenek dan Lili mendirikan solat zohor berjemaah di rumah. Peristiwa nenek dan Lili solat berjemaah di rumah manakala datuk Lili solat berjemaah di surau.**

Huraian: Amalan solat berjemaah sangat dituntut dalam agama.

**10) Peristiwa nenek menegur Lili supaya Lili tidak berkasar dengan haiwan kerana Lili menolak kucing-kucing yang menggesel kakinya dengan kaki.**

Huraian: Sikap menyanyangi haiwan patut diamalkan.

**11) Peristiwa Lili segera melompat dari pangkin bangsal Abang Rashid (abang sepupu) menuju ke arah nenek yang mula meninggalkan petak sawah.**

Huraian: Ketinggian budi pekerti seorang remaja terhadap orang yang lebih tua.

**12) Peristiwa nenek Lili mengajak Lili segera pulang dari kedai runcit Letchumi ketika Lili sedang rancak berbual dengan Geetha tanpa menyedari masa telah hampir sejam.**

Huraian: Tindakan kita berlama-lama dengan seseorang akan mengganggu urusan orang lain.

### **Novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip**

**1) Peristiwa Dahlia gigih dalam menuntut ilmu. Dahlia gigih berulang-alik ke sekolah sejauh 30 kilometer demi menuntut ilmu. Dahlia terpaksa keluar asrama dan berulang alik ke sekolah setelah ibunya dirawat di hospital kerana dia perlu menjaga adiknya yang masih kecil dan melakukan kerja-kerja di rumah setelah pulang dari sekolah namun Dahlia tetap mengulang kaji pelajaran pada waktu malam dan gigih menuntut ilmu walaupun menghadapi pelbagai cabaran sangat penting untuk mencapai kejayaan.**

Huraian: Sikap gigih menuntut ilmu pengetahuan sehingga beroleh kejayaan.

**2) Peristiwa Tauke Lim membenarkan Embong dan keluarganya membeli barang runcit di kedainya secara hutang. Tauke Lim tetap membenarkan Embong dan keluarganya membeli barang di kedainya secara hutang walaupun hutang lama belum dibayar oleh Embong.**

Huraian: Sikap baik hati membantu orang yang dalam kesusahan dapat meringankan beban orang lain.

**3) Peristiwa Dahlia bijak menguruskan masa dengan membuat ulang kaji di pusat pemindahan banjir.** Ketika rumahnya dilanda banjir, Dahlia mencuri peluang untuk belajar dan tidak peduli jika ada orang yang mengatakan bahawa dia ingin menunjuk-nunjuk. Sikap Dahlia ini dipuji oleh Encik Daim, bekas guru Dahlia ketika di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail.

Huraian: Kebijaksanaan membahagikan masa yang ada untuk belajar walaupun dalam kesulitan.

**4) Peristiwa Embong hidup dalam kemiskinan tetapi dia tetap mementingkan pelajaran anak-anaknya.** Embong marah apabila Dahlia bercadang untuk berhenti sekolah kerana mahu membantu keluarga sedangkan dia masih mampu mencari rezeki untuk anak-anaknya. Peristiwa ini dapat dijadikan iktibar oleh pembaca agar mementingkan pendidikan anak-anak agar masa depan mereka terjamin.

Huraian: Mementingkan pendidikan anak-anak..

**5) Peristiwa Dahlia gigih menghadapi masalah kesihatan ibunya,** Saleha yang bersikap kurang siuman dan terpaksa dihantar ke Hospital Batu Pahat dan Hospital Permai di Johor Bahru untuk rawatan pemulihan. Ibu Dahlia sering bercakap sendirian dan sesekali ketawa di kebun getah dan merayau-rayau tidak tentu arah apabila menjelang senja. Masalah kesihatan ibunya ini menyebabkan Dahlia perlu memikul tanggungjawab untuk menjaga adik-adiknya.

Huraian: Bertanggungjawab memikul tugas ibu bapa yang berada dalam kesulitan.

**6) Peristiwa Dahlia melayani neneknya dengan baik dan bersopan santun walaupun sering dilemparkan dengan kata-kata yang mengecewakannya.**

Huraian: Menghormati dan melayani ahli keluarga dengan baik dan tidak pernah menyimpan dendam.

**7) Peristiwa Abu Bakar insaf atas kesalahan mengabaikan keluarganya semasa mereka hidup susah dan menghadapi pelbagai masalah.**

Huraian: Kesediaan seorang anak yang mengabaikan keluarga.

**8) Peristiwa Nek Kiah insaf atas segala perbuatan negatifnya terhadap keluarga Embong dan sering memandang rendah terhadap mereka.**

Huraian: Keinsafan kerana pernah menghina ahli keluarga sendiri.

**9) Peristiwa Tauke Lim membeli tapak rumah Embong yang yang djual oleh Nek Kiah dengan harga RM15 ribu.**

Huraian: Membantu jiran tetangga yang berada dalam kesusahan.

**10) Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membina rumah Embong semula setelah rumahnya musnah dibawa arus banjir.**

Huraian: Bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

**11) Peristiwa Dahlia bersetuju mengajarkan Bahasa Melayu kepada anak perempuan Tauke Lim setelah dipujuk.**

Huraian: Memberi pertolongan kepada orang lain walaupun dia hidup susah dan menghadapi pelbagai masalah.

### **BAHAGIAN C: RUMUSAN**

**[30 markah]**

#### **Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah**
- (b) Bahasa - 10 markah**

#### **(a) Isi [20 markah]**

##### **Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima							Markah Maksimum
<b>(i) Pendahuluan</b>									<b>2</b>
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>									
<b>Fokus1(Kebaikan/Kelebihan/Faedah)</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>		
<b>Fokus 2 (Langkah/ Usaha/ Cara)</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>3</b>		
<b>(iii) Isi Bahan 2</b>									
<b>Fokus 2 (Langkah/ Usaha/ Cara)</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>		<b>16</b>
<b>(iv) Isi Bahan 3</b>									
<b>Fokus1(Kebaikan/Kelebihan/Faedah)</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>		
<b>Jumlah Isi</b>	<b>12</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>		
<b>(v) Penutup / Kesimpulan</b>									<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>								<b>20</b>	

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>8 - 10 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik.</li> <li>Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li> <li>Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.</li> </ul>
<b>Baik</b>	<b>5- 7 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesinambungan ayat <i>baik</i>.</li> <li>Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang <i>masih</i> betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li> <li>Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li> <li>Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.</li> </ul>
<b>Sederhana</b>	<b>3 - 4 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik.</li> <li>Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang <i>kurang</i> betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li> <li>Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li> <li>Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.</li> </ul>
<b>Lemah</b>	<b>1- 2 markah</b>	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

## **NOTA**

- i. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah di peringkat lemah.
- ii. Jika markah isi **6 markah dan ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- iii. Jika markah isi **5 markah dan ke bawah** tetapi bahasa **sangat baik**, **markah maksimum bahasa ialah 5 markah**.
- iv. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan **0 markah bahasa**.
- v. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[ Maksimum : 10 markah]**

### **Pendahuluan [2 markah]**

P1	Membincangkan <b>kebaikan / kelebihan / kepentingan / manfaat / faedah</b> dan <b>langkah / usaha / cara / kaedah</b> memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat.	2
P2	Membincangkan <b>langkah / usaha / cara / kaedah</b> dan <b>kebaikan / kelebihan / kepentingan / manfaat / faedah</b> memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat	2
P3	<b>Membincangkan kebaikan / kelebihan / kepentingan / manfaat / faedah</b> amalan membaca dalam kalangan masyarakat.	1
P4	Membincangkan <b>langkah / usaha / cara / kaedah</b> memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat.	1

### **Isi [16 markah]**

#### **FOKUS 1 : Kebaikan / kelebihan / kepentingan / manfaat / faedah amalan membaca**

##### **Bahan 1**

A1	wahana bagi mencari ilmu pengetahuan	2
A2	mampu melahirkan masyarakat yang tinggi tahap pemikirannya	2
A3	membentuk masyarakat Malaysia yang cinta akan ilmu	2
A4	memberikan nilai tambah dalam diri seseorang	2

##### **Bahan 3**

B1	pasti bertambah ilmu di dada,	2
B2	yang membezakan kebijaksanaan	2
B3	dunia luas kita terokai	2

#### **FOKUS 2 : Langkah / cara / usaha / kaedah untuk memupuk amalan membaca**

##### **Bahan 1**

C1	Kerajaan menambah jumlah perpustakaan awam di kawasan bandar dan luar bandar	2
C2	Ibu bapa mewujudkan perpustakaan mini di rumah	2
C3	Kerajaan boleh mengadakan kempen galakan membaca	2

**Bahan 2**

- |    |                                                                         |   |
|----|-------------------------------------------------------------------------|---|
| D1 | pusat sumber perlu membeli lebih banyak buku yang berilustrasi menarik. | 2 |
| D2 | penerbit juga perlu menjual buku dengan harga yang murah.               | 2 |

**Kesimpulan [2 markah]**

- |    |                                                                                                                                              |   |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| K1 | Amalan membaca dalam kalangan masyarakat hendaklah diamalkan agar tahap pemikiran masyarakat lebih matang.                                   | 2 |
| K2 | Semua pihak hendaklah berganding bahu memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat agar tahap pemikiran masyarakat menjadi lebih matang. | 2 |
| K3 | Amalan membaca dalam kalangan masyarakat hendaklah diamalkan.                                                                                | 1 |

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima jika sesuai)**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

